



MODUL PENDIDIKAN SIVIK DALAM PENDIDIKAN ISLAM

Tajuk: Bangkit dari Kegagalan

Nilai Teras: Kegembiraan

Masa: 1 jam

SK: 1.8 Sabar Menghadapi Dugaan Kehidupan

SP: 1.8.4 Menjelaskan cara menghadapi musibah menurut Islam.

1.8.5 Menerangkan hikmah disebalik ujian yang diturunkan oleh Allah kepada manusia.

Objektif:

Pada akhir PdPc, murid akan dapat:

1. Mengenal pasti cara-cara menangani cabaran untuk bangkit dari kegagalan.
2. Mengambil tindakan yang wajar dalam menangani pelbagai cabaran.

Aktiviti Literasi Sivik 1

1. Murid dibahagikan kepada tiga kumpulan dan diberikan tajuk berikut:
 - Kumpulan 1: Maksud kegagalan sebagai suatu musibah.
 - Kumpulan 2: Cara menghadapi kegagalan menurut Islam.
 - Kumpulan 3: Hikmah di sebalik kegagalan.
2. Murid berbincang dan melakarkan fakta dalam bentuk peta minda pada kertas sebak tentang tajuk tersebut.
3. Kertas sebak ditampal di dinding kelas. Murid bergerak dalam kumpulan dari satu hentian ke hentian yang lain sambil berbincang tentang topik yang diberikan.
4. Murid berkongsi pendapat, memberi ulasan dan penilaian serta mencatat maklumat yang diperolehi.

Aktiviti Literasi Sivik 2

1. Aktiviti dijalankan secara berkumpulan.
2. Setiap kumpulan diminta membuat peta minda tentang cara menghadapi musibah.
3. Murid berbincang dalam kumpulan masing-masing tentang cara menghadapi musibah.
4. Murid membentangkan tugasan di hadapan kelas.

Aktiviti Literasi Sivik 3

1. Aktiviti dijalankan secara berkumpulan.
2. Guru memberi keratan akhbar kepada setiap kumpulan.
3. Murid diberi contoh buku skrap yang akan dihasilkan.
4. Guru mengarahkan murid untuk menghasilkan buku skrap tentang faktor manusia tidak sabar menghadapi musibah daripada Allah dengan menggunakan bahan yang disediakan oleh guru.

Refleksi: (Diisi oleh guru sebaik sahaja selesai pengajaran)



MODUL PENDIDIKAN SIVIK DALAM PENDIDIKAN ISLAM

Tajuk: Rajin dalam Setiap Pekerjaan

Nilai Teras: Bertanggungjawab

Masa: 1 jam

SK: 2.3 Jihad dalam Islam

SP:

- 2.3.4 Menyatakan maksud jihad dan hukumnya.
- 2.3.5 Menjelaskan jenis-jenis jihad dan keutamaannya.
- 2.3.6 Menerangkan kelebihan jihad.

Objektif:

Pada akhir PdPc, murid akan dapat:

1. Menjelaskan kepentingan rajin dalam setiap pekerjaan.
2. Menghuraikan kepentingan pendidikan sepanjang hayat.
3. Mengamalkan sikap rajin dalam setiap pekerjaan.

Aktiviti Literasi Sivik 1

1. Murid dibahagikan kepada empat kumpulan dan diberikan tajuk berikut:
 - Kumpulan 1: Maksud jihad ilmu.
 - Kumpulan 2: Kepentingan jihad ilmu.
 - Kumpulan 3: Kepentingan kerajinan dalam jihad ilmu.
 - Kumpulan 4: Cara mengamalkan sikap rajin dalam jihad ilmu.
2. Murid perlu menyediakan bahan pembentangan untuk dibentangkan di hadapan kelas.

Aktiviti Literasi Sivik 2

1. Guru meletakkan keratan isi penting tentang cara mengamalkan sikap rajin dalam jihad ilmu di meja guru berserta lembaran peta minda.
2. Murid dikehendaki memilih keratan yang betul dan sesuai dengan peta minda yang diberi.

Aktiviti Literasi Sivik 3

1. Guru mengedarkan isi penting berkaitan topik 'Hikmah Sikap Rajin dalam Jihad Ilmu' kepada setiap kumpulan.
2. Setiap ahli dalam kumpulan perlu bersama-sama merancang sebuah syarahan spontan berdasarkan isi yang telah diberikan.
3. Wakil setiap kumpulan akan tampil ke hadapan untuk menyampaikan syarahan.
4. Kumpulan lain dikehendaki memberikan penilaian dan guru membuat kesimpulan.

Refleksi: (Diisi oleh guru sebaik sahaja selesai pengajaran)



MODUL PENDIDIKAN SIVIK DALAM PENDIDIKAN ISLAM

Tajuk: Toleransi dan Perpaduan

Nilai Teras: Hormat Menghormati

Masa: 1 jam

SK: 5.1 Riwayat Hidup Nabi Muhammad SAW

SP: 5.1.3 Menerangkan akhlak Nabi Muhammad SAW.

5.1.4 Menghuraikan iktibar daripada riwayat hidup, peristiwa-peristiwa penting dan akhlak Nabi Muhammad SAW.

5.1.5 Mencontohi akhlak Nabi Muhammad SAW dalam kehidupan.

Objektif:

Pada akhir PdPc, murid akan dapat:

1. Menjelaskan kepentingan toleransi bagi membentuk perpaduan nasional.
2. Menghuraikan kesan kepada perpaduan negara sekiranya kurang bersikap toleransi.
3. Mengekpresikan perasaan apabila bersikap toleransi.
4. Mempraktikkan sikap bertolak ansur dan sabar dalam memupuk perpaduan.

Aktiviti Literasi Sivik 1

1. Murid dibahagikan kepada empat kumpulan dan diberikan tajuk berikut:
 - Kumpulan 1: Contoh akhlak toleransi Nabi Muhammad SAW.
 - Kumpulan 2: Kepentingan akhlak toleransi Nabi Muhammad SAW.
 - Kumpulan 3: Iktibar daripada akhlak toleransi Nabi Muhammad SAW.
 - Kumpulan 4: Cara mengamalkan akhlak toleransi Nabi Muhammad SAW.
2. Murid berbincang dan melakarkan maklumat dalam bentuk peta minda pada kertas sebak tentang tajuk tersebut.
3. Kertas sebak ditampal di dinding kelas. Murid bergerak dalam kumpulan dari satu hentian ke hentian yang lain sambil berbincang tentang topik yang diberikan.
4. Murid berkongsi pendapat, memberi ulasan dan penilaian serta mencatat maklumat yang diperolehi.

Aktiviti Literasi Sivik 2

1. Aktiviti dijalankan secara berkumpulan.
2. Setiap kumpulan diminta membuat peta minda tentang peristiwa penting dalam kehidupan Nabi Muhammad SAW.
3. Murid berbincang dalam kumpulan masing-masing tentang topik yang diberikan.
4. Murid membentangkan tugas di hadapan kelas.

Aktiviti Literasi Sivik 3

1. Guru menyediakan dialog kepada kumpulan murid yang dipilih.
2. Murid diberikan masa selama lima minit untuk berlatih.
3. Murid akan membuat persembahan sketsa yang bertajuk 'Contoh Akhlak Rasulullah SAW'.
4. Guru dan murid akan membincangkan sketsa tersebut bersama-sama.

Refleksi: (Diisi oleh guru sebaik sahaja selesai pengajaran)



MODUL PENDIDIKAN SIVIK DALAM PENDIDIKAN ISLAM

Tajuk: Ihsan terhadap Manusia dan Haiwan

Nilai Teras: Kasih Sayang

Masa: 1 jam

SK: 6.1 Konsep Akhlak Islamiah

SP: 6.1.1 Menyatakan maksud akhlak.

6.1.2 Menjelaskan maksud akhlak mahmudah dan contoh serta mengamalkannya.

6.1.5 Menerangkan tujuan memelihara akhlak.

6.1.6 Menghuraikan implikasi tidak memelihara akhlak dalam kehidupan.

Objektif:

Pada akhir PdPc, murid akan dapat:

1. Menjelaskan cara berlaku ihsan sesama manusia dan haiwan.
2. Menghormati orang lain dan memahami setiap orang ada keistimewaan masing-masing.
3. Membantu warga sekolah yang mengalami masalah atau dalam kesusahan.

Aktiviti Literasi Sivik 1

1. Murid dibahagikan kepada empat kumpulan dan diberikan tajuk berikut:
 - Kumpulan 1: Maksud dan kepentingan akhlak.
 - Kumpulan 2: Maksud akhlak mahmudah berserta contohnya sesama manusia dan terhadap haiwan.
 - Kumpulan 3: Tujuan memelihara akhlak dalam kehidupan.
 - Kumpulan 4: Akibat tidak berakhlek terhadap orang lain.
2. Murid berbincang dan melakarkan fakta dalam bentuk peta minda pada kertas sebak tentang tajuk tersebut.
3. Kertas sebak ditampal di dinding kelas. Murid bergerak dalam kumpulan dari satu hentian ke hentian yang lain sambil berbincang tentang topik yang diberikan.
4. Murid berkongsi pendapat, memberi ulasan dan penilaian serta mencatat maklumat yang diperolehi.

Aktiviti Literasi Sivik 2

1. Aktiviti dijalankan secara berkumpulan.
2. Setiap kumpulan diminta membuat peta minda tentang implikasi tidak memelihara akhlak dalam kehidupan.
3. Murid berbincang dalam kumpulan masing-masing tentang topik yang diberikan.
4. Murid membentangkan tugas di hadapan kelas.

Aktiviti Literasi Sivik 3

1. Guru menyediakan dialog kepada kumpulan murid yang dipilih.
2. Murid diberikan masa selama lima minit untuk berlatih.
3. Murid akan membuat persembahan sketsa yang bertajuk 'Contoh Akhlak Mahmudah dan Akhlak Mazmumah'.
4. Guru dan murid akan membincangkan sketsa tersebut bersama-sama.

Refleksi: (Diisi oleh guru sebaik sahaja selesai pengajaran)



MODUL PENDIDIKAN SIVIK DALAM PENDIDIKAN ISLAM

Tajuk: Antibuli

Nilai Teras: Kasih Sayang

Masa: 1 jam

SK: 6.1 Konsep Akhlak Islamiah

SP: 6.1.4 Menjelaskan maksud akhlak mazmumah dan contoh serta cara menjauhinya.
6.1.6 Menghuraikan implikasi tidak memelihara akhlak dalam kehidupan.

Objektif:

Pada akhir PdPc, murid akan dapat:

- Menjelaskan jenis tingkah laku berkaitan buli dari segi fizikal dan mental.
- Mengenal pasti cara menangani situasi buli.
- Menerangkan kesan daripada perbuatan buli terhadap fizikal, emosi, keyakinan diri dan trauma.

Aktiviti Literasi Sivik 1

- Murid dibahagikan kepada empat kumpulan dan diberikan tajuk berikut:
 - Kumpulan 1: Maksud buli sebagai suatu akhlak mazmumah.
 - Kumpulan 2: Keburukan buli.
 - Kumpulan 3: Cara menangani situasi buli.
 - Kumpulan 4: Kesan daripada perbuatan buli.
- Murid perlu menyediakan bahan dan membuat pembentangan di hadapan kelas.

Aktiviti Literasi Sivik 2

- Aktiviti dijalankan secara berkumpulan.
- Setiap kumpulan diminta membuat peta minda tentang topik kesan daripada perbuatan buli.
- Murid membuat sumbang saran dalam kumpulan masing-masing tentang topik yang diberikan.
- Murid membentangkan tugas di hadapan kelas.

Aktiviti Literasi Sivik 3

- Murid dibahagikan kepada empat kumpulan dan diberikan tajuk berikut:
 - Kumpulan 1: Mencipta syair berkaitan maksud buli sebagai suatu akhlak mazmumah.
 - Kumpulan 2: Mencipta sebuah sajak berkaitan keburukan buli.
 - Kumpulan 3: Mencipta pantun nasihat berkaitan kesan daripada perbuatan buli.
 - Kumpulan 4: Mencipta puisi berkaitan cara menangani situasi buli.
- Murid menyediakan bahan dan membuat pembentangan di hadapan kelas.

Refleksi: (Diisi oleh guru sebaik sahaja selesai pengajaran)



MODUL PENDIDIKAN SIVIK DALAM PENDIDIKAN ISLAM

Tajuk: Warganegara Berintegriti

Nilai Teras: Bertanggungjawab

Masa: 1 jam

SK: 6.2 Amanah

- SP:**
- 6.2.1 Menyatakan maksud amanah.
 - 6.2.3 Menjelaskan kepentingan sifat amanah.
 - 6.2.4 Menerangkan cara-cara mengamalkan sifat amanah terhadap:
 - Diri
 - Keluarga
 - Masyarakat
 - 6.2.5 Menghuraikan implikasi tidak amanah terhadap:
 - Diri
 - Keluarga
 - Masyarakat

Objektif:

Pada akhir PdPc, murid akan dapat:

- 1. Menyatakan maksud amanah atau integriti dan kepentingannya.
- 2. Mengekpresikan tanggungjawab warganegara yang amanah.
- 3. Mempraktikkan sifat amanah sebagai warganegara berintegriti dalam kehidupan harian.

Aktiviti Literasi Sivik 1

1. Murid dibahagikan kepada empat kumpulan dan diberikan tajuk berikut:
 - Kumpulan 1: Maksud dan kepentingan sifat amanah.
 - Kumpulan 2: Cara mengamalkan amanah terhadap diri dan implikasi tidak amanah terhadap diri.
 - Kumpulan 3: Cara mengamalkan amanah terhadap keluarga dan implikasi tidak amanah terhadap keluarga.
 - Kumpulan 4: Cara mengamalkan amanah terhadap masyarakat dan implikasi tidak amanah terhadap masyarakat.
2. Murid perlu menyediakan bahan pembentangan menggunakan kertas sebak atau kertas A4.

Aktiviti Literasi Sivik 2

1. Aktiviti dijalankan secara berkumpulan.
2. Guru meminta tiga buah kumpulan mencipta pantun nasihat tentang amanah dan tiga buah kumpulan mencipta sajak tentang akibat tidak bersifat amanah.
3. Murid akan membuat persembahan mendeklamasikan pantun dan sajak selepas selesai berbincang dalam kumpulan.

Aktiviti Literasi Sivik 3

1. Aktiviti dijalankan secara berkumpulan.
2. Guru memberi pelbagai bahan seperti majalah, surat khabar, bahan dari Internet dan gambar kepada setiap kumpulan.
3. Murid diberi contoh buku skrap yang akan dihasilkan.
4. Guru mengarahkan murid untuk menghasilkan buku skrap tentang amanah dengan menggunakan bahan yang disediakan oleh guru.

Refleksi: (Diisi oleh guru sebaik sahaja selesai pengajaran)



MODUL PENDIDIKAN SIVIK DALAM PENDIDIKAN ISLAM

Tajuk: Warganegara Berilmu

Nilai Teras: Kegembiraan

Masa: 1 jam

SK: 6.3 Kewajipan Menuntut Ilmu

SP: 6.3.2 Menjelaskan adab-adab menuntut ilmu.
6.3.3 Menerangkan kepentingan beradab ketika menuntut ilmu.
6.3.4 Menerangkan akibat tidak beradab ketika menuntut ilmu.
6.3.5 Menghuraikan kelebihan orang yang berilmu dan menuntut ilmu.

Objektif:

Pada akhir PdPc, murid akan dapat:

1. Menghuraikan ciri-ciri warganegara yang berilmu.
2. Menjelaskan usaha untuk melengkapkan diri menjadi warganegara yang berilmu bagi mewarisi negara.
3. Mengamalkan ciri-ciri warganegara yang berilmu.

Aktiviti Literasi Sivik 1

1. Murid dibahagikan kepada empat kumpulan dengan tajuk tertentu:
 - Kumpulan 1: Adab-adab menuntut ilmu.
 - Kumpulan 2: Kepentingan beradab ketika menuntut ilmu.
 - Kumpulan 3: Akibat tidak beradab ketika menuntut ilmu.
 - Kumpulan 4: Kelebihan orang yang berilmu dan menuntut ilmu.
2. Murid perlu menyediakan bahan dan membuat pembentangan di hadapan kelas.

Aktiviti Literasi Sivik 2

1. Aktiviti dijalankan secara berkumpulan.
2. Setiap kumpulan diminta membuat peta buih tentang kepentingan beradab ketika menuntut ilmu.
3. Murid berbincang dalam kumpulan masing-masing tentang tugasan yang diberikan.
4. Murid membentangkan tugasan di hadapan kelas.

Aktiviti Literasi Sivik 3

1. Guru menulis topik tentang kelebihan orang yang berilmu pada papan putih.
2. Murid diminta memikirkan jawapan secara individu.
3. Kemudian, murid diminta berbincang dengan rakan di sebelahnya atau pasangannya.
4. Seterusnya, murid diminta berkongsi hasil perbincangan dengan semua murid di dalam kelas.

Refleksi: (Diisi oleh guru sebaik sahaja selesai pengajaran)



MODUL PENDIDIKAN SIVIK DALAM PENDIDIKAN ISLAM

Tajuk: Malu Melakukan Perkara Negatif

Nilai Teras: Hormat menghormati

Masa: 1 jam

SK: 6.4 Adab Menjaga Maruah Diri

SP: 6.4.4 Menerangkan cara-cara menjaga maruah diri dari aspek pakaian, percakapan dan tingkah laku.

Objektif:

Pada akhir PdPc, murid akan dapat:

1. Menyatakan cara bertingkah laku secara sopan.
2. Menghargai diri dapat menjaga batasan pergaulan.
3. Menjaga batasan pergaulan antara lelaki dan perempuan.

Aktiviti Literasi Sivik 1

1. Murid dibahagikan kepada lima kumpulan dan diberikan tajuk berikut:
 - Kumpulan 1: Panduan pakaian sopan.
 - Kumpulan 2: Panduan tingkah laku yang sopan.
 - Kumpulan 3: Panduan batasan pergaulan lelaki dan perempuan.
 - Kumpulan 4: Akibat tidak menjaga batas pergaulan lelaki dan perempuan.
 - Kumpulan 5: Hikmah menjaga tingkah laku.
2. Murid menyediakan bahan pembentangan.
3. Murid melakukan pembentangan dan guru menilai hasil kerja murid.

Aktiviti Literasi Sivik 2

1. Guru meletakkan keratan isi penting tentang adab pergaulan lelaki dengan perempuan di satu tempat berserta lembaran peta minda.
2. Murid dikehendaki memilih keratan yang betul dan sesuai dengan peta minda yang diberi.

Aktiviti Literasi Sivik 3

1. Murid dibahagikan kepada lima kumpulan dan diberikan tajuk berikut:
 - Kumpulan 1: Mencipta sajak berkaitan akhlak yang dilarang Allah.
 - Kumpulan 2: Mencipta sebuah syair berkaitan akhlak yang sopan.
 - Kumpulan 3: Mereka cipta satu bentuk fesyen pakaian wanita yang menepati syarak.
 - Kumpulan 4: Mencipta pantun nasihat mengenai pergaulan antara lelaki dan perempuan.
 - Kumpulan 5: Mencipta satu bentuk fesyen pakaian lelaki yang menepati syarak.
2. Murid menyediakan bahan pembentangan.
3. Murid melakukan pembentangan dan guru menilai hasil kerja murid.

Refleksi: (Diisi oleh guru sebaik sahaja selesai pengajaran)